

## UNTUK SIARAN SEGERA

### **Theta Edge Berhad Mengalu-alukan Stealth Solutions Sdn Bhd Sebagai Pemegang Saham Strategik Baharu**

**Petaling Jaya, 06 Januari 2026** — Theta Edge Berhad (“Theta” atau “Syarikat”) hari ini mengumumkan penyempurnaan perubahan dalam pegangan saham utama Syarikat susulan pelupusan saham oleh Lembaga Tabung Haji (“Tabung Haji”) kepada Stealth Solutions Sdn. Bhd. (“Stealth”). Transaksi tersebut telah disempurnakan pada 2 Januari 2026.

Berikutan penyempurnaan transaksi ini, Stealth telah menjadi pemegang saham tunggal terbesar Theta Edge Berhad.

#### **Penyelarasan Strategik bersama Stealth Solutions Sdn. Bhd.**

Stealth Solutions Sdn. Bhd. ialah sebuah syarikat teknologi dan telekomunikasi berpangkalan di Malaysia dengan lebih 20 tahun pengalaman serta rekod prestasi yang kukuh sebagai pemilik, pengendali dan pembangun rangkaian telekomunikasi bebas. Stealth mempunyai kedudukan unik dalam menyediakan penyelesaian kepada pengendali rangkaian mudah alih, penyiaran media, penyedia jalur lebar serta industri lain yang berhubung dengan masyarakat melalui teknologi komunikasi tanpa wayar.

Pada masa ini, Stealth memiliki dan mengendalikan menara telekomunikasi di seluruh Malaysia, lengkap dengan konsesi dan hak telekomunikasi sedia ada. Syarikat ini dikawal oleh Dato’ Amrul Hisyam Alias, seorang teknousahawan industri yang berpengalaman luas.

Kemasukan Stealth sebagai pemegang saham utama membawa penyelarasan strategik serta sinergi operasi, khususnya dalam segmen perniagaan telekomunikasi dan infrastruktur digital Theta. Penyelarasan ini dijangka menyokong aspirasi pertumbuhan Theta, memperkukuh keupayaan pelaksanaan serta meningkatkan penciptaan nilai merentasi bidang tumpuan bersama.

## **Pandangan Ke Hadapan**

Theta melihat peralihan pegangan saham ini sebagai satu perkembangan positif yang menyokong trajektori pertumbuhan jangka panjang Syarikat. Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan menantikan kerjasama yang konstruktif bersama Stealth sebagai pemegang saham strategik, sambil terus melaksanakan pelan perniagaan Theta dengan disiplin dan fokus.

Syarikat kekal komited terhadap ketelusan dan akan terus memaklumkan pihak berkepentingan selaras dengan keperluan peraturan serta amalan tadbir urus yang baik.

**\*TAMAT\***

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Rian Aznani Mohd Sahlan | [aznani.sahlan@theta-edge.com](mailto:aznani.sahlan@theta-edge.com)  
Rashid Ramli | [rashid.ramli@theta-edge.com](mailto:rashid.ramli@theta-edge.com)

Komunikasi Strategik Kumpulan, Theta Edge Berhad

### **Mengenai Theta Edge Berhad**

Theta Edge Berhad merupakan peneraju dalam penyediaan penyelesaian teknologi dan transformasi digital di Malaysia, komited untuk menawarkan solusi yang pintar, berskala dan mampan merentasi pelbagai industri. Berteraskan kecemerlangan dan inovasi, syarikat ini telah berkembang daripada tumpuan asalnya kepada projek berasaskan kerajaan kepada model perniagaan berasaskan platform yang dinamik, merangkumi pasaran B2B dan B2C dengan penekanan strategik terhadap Bandar Pintar, Kesihatan Digital, Mobiliti Pintar dan Wawasan Berasaskan Data.

Dipandu oleh visi untuk memperkasakan penerimgunaan teknologi demi masa depan yang mampan, Theta Edge Berhad memanfaatkan kepakarannya dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI), Internet Benda (IoT), keselamatan siber dan perkhidmatan berasaskan awan bagi memperkasa perniagaan, agensi kerajaan dan komuniti. Disokong oleh tenaga kerja berkemahiran tinggi serta rangka kerja operasi yang fleksibel, syarikat ini terus komited dalam memacu pertumbuhan mampan, penyelesaian inovatif dan aliran pendapatan berdaya tahan yang membentuk masa depan teknologi

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami. [www.theta-edge.com](http://www.theta-edge.com)